

Soal visa melawat ke India

BM 22 JUL 1984

# Sentimen kaum: PM bidas DAP

**P**  
SUBANG JAYA, Sabtu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membidas DAP kerana memainkan sentimen rakyat Malaysia keturunan India supaya menyokong mereka dalam soal pengenaan visa oleh kerajaan India kepada pelawat-pelawat ke negara itu.

Beliau berkata, sikap pembangkang itu menimbulkan tanda tanya apakah ia menganggap orang-orang keturunan India di Malaysia perlu diberi layanan istimewa oleh sebuah negara

asing. Walaupun teguran Perdana Menteri itu tidak menyebut nama parti pembangkang yang dimaksudkan, ia jelas ditujukan kepada DAP, khususnya Timbalan Pengerusinya, Encik Karpal Singh yang mengutuk MIC kerana tidak mahu campurtangan dalam soal visa itu.

Berucap merasmikan Perhimpunan Agung MIC ke-32 di sini, Datuk Seri Dr Mahathir mengucapkan syabas kepada parti itu atas pendiriannya tidak mahu campurtangan atau memberi komen tentang perkara itu.

Beliau berkata, Malaysia menghormati negara-negara asing yang

menghormati negara ini sebagai sebuah negara yang berdaulat.

"Kita tidak harus campurtangan dalam apa-apa tindakan sebuah negara yang lain," ujarnya.

Perdana Menteri menjelaskan, pada prinsipnya tidak ada satu pihak pun di negara ini, baik parti pembangkang sekalipun, yang patut campurtangan dalam hal-ehwal negara-negara asing.

"Oleh kerana sikap takmakan pengaruh, prinsip ini pun mereka abaikan. Mereka ini memang suka melaung di sana sini, kadang-kadang kita pun tidak faham apa yang dilaungkan. "Orang seperti ini

sanggup melaung siang dan malam sekiranya kelakuan sebegitu akan dapat menarik perhatian kepadanya," tegasnya.

Beliau berharap rakyat tidak turut melatah dengan kelakuan seperti itu kerana "mereka memang mengharapkan kita melatah dan itulah saat-saat yang menggembirakan bagi mereka yang suka melaung di sana sini."

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Malaysia harus bangga kema-tangan politik rakyatnya semakin meningkat.

Katanya, tidak dapat dinafikan adanya golongan yang akan terpengaruh dengan kata

kata manis dan laungan kosong parti-parti pembangkang, tetapi bilangan mereka semakin kecil.

Beliau berpendapat, pemikiran yang matang ini memang ditakuti oleh mereka yang suka melaung di sana sini.

"Kita akan menghormati pandangan yang rasional — yang baik dipuji dan bagi yang tidak baik pula dicadangkan penyelesaian yang wajar.

"Kita tidak menghormati mereka yang tidak berhenti-henti mengkritik, tetapi kekeringan idea tentang bagaimana hendak menyelesaikan sesuatu masalah itu," tegas Perdana Menteri.